



27 JAN, 2025

Asean pergiat inisiatif tenaga hijau, inovasi digital

Harian Metro, Malaysia



Asean pergiat inisiatif tenaga hijau, inovasi digital

Kuala Lumpur: Asean sedang mempergiatkan inisiatif tenaga hijau dan inovasi digital untuk meningkatkan daya tahan rantaian bekalan dan mengekalkan peranannya dalam perdagangan global di tengah-tengah dinamik AS-China yang berkembang.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz (*gambar*) berkata, industri di seluruh rantau sedang menyesuaikan semula rantaian bekalan dengan menumpu-

kan kepada daya tahan, manakala penggubal dasar pula memupuk kerjasama untuk mengurangkan risiko dan merebut peluang-peluang baharu.

"Mengemudi hubungan AS-China akan menjadi penting bagi Malaysia dan ASEAN kerana rantaian bekalan sangat kritikal kepada rantau ini. Banyak syarikat terlibat dengan

kita. Mereka sedang melakukan penyesuaian semula berasaskan daya tahan, keselamatan dan pertimbangan komersial.

"Sebagai penggubal dasar, apabila kita melibatkan diri dengan jiran dan rakan kongsi kita, kita mesti melakukan kepelbagaian dan mengurangkan risiko,"

ka-

tanya dalam catatan ringkas di platform media sosial X selepas berakhirnya Forum Ekonomi Dunia 2025 baru-baru ini.

Tengku Zafrul berkata, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara Malaysia sejajar dengan usaha serantau seperti Grid Kuasa Asean untuk memastikan akses kepada tenaga boleh baharu.

Beliau berkata, kemajuan dalam kecerdasan buatan (AI) dan teknologi digital juga berupaya memberikan peluang pertumbuhan, walaupun mengha-

dapi cabaran seperti sekatan eksport cip.

Beliau menekankan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi terbuka yang kecil dengan nisbah perdagangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekitar 180 peratus.

"Bagi Malaysia, 80 peratus eksport dalam bidang pembuatan manakala 20 peratus dalam bidang pertanian. Sektor pembuatan menyumbang satu perempat atau 25 peratus daripada KDNK kita," katanya. - Bernama

